

banyak kubur para nabi berada di antara Ĥajar Aswad dan Maqam Ibrahim, dan dari situ pula hingga ke Ĥijir? Sebanyak 99 kubur!

Jelas sekali semua nabi dan rasul tidak meninggal dunia serentak dalam satu masa. Sebahagian mereka dikebumikan beribu-ribu tahun selepas dikebumikan nabi sebelumnya. Tentu sekali pada ketika-ketika tertentu apabila digali kubur untuk dikebumikan seseorang nabi yang baru wafat akan terserempak dengan tubuh mana-mana nabi atau rasul yang telah dikebumikan sebelumnya! Hal seperti itu boleh berlaku kerana tidak ada apa-apa tanda di atas kubur-kubur para nabi dan rasul yang dida'wakan itu.

Jika keadaan itu berlaku tentu sekali heboh manusia bercerita tentangnya.

Apalagi jika diambil kira apa yang tersebut di dalam kitab "At-Tārīkh al-Qawīm Li Makkah Wa al-Ĥaram" karangan Muhammad Thahir al-Kurdi. Di dalamnya tersebut bahawa di antara Rukun Yamani dan Ĥajar Aswad sahaja pun terdapat sebanyak 63 kubur para nabi. Di tempat terbuka dalam Masjidil Ĥaram pula terdapat 300 kubur para nabi. Bagaimana di kasawan hanya seluas itu begitu ramai nabi dan rasul dapat dikebumikan? Adakah mereka dikebumikan dalam keadaan bertindih-tindih?!

(16) Beberapa kali di zaman pemerintahan kerajaan 'Utsmaniah dan di zaman pemerintahan kerajaan Saudi hingga ke hari ini, Ka'bah dan semua kawasan Masjidil Ĥaram telah dikorek, digali dan dilakukan bermacam-macam lagi proses pembinaan, pembaikan, pengubahsuaian, asasnya bahkan telah dibuat daripada konkrit, macam-macam paip pula dipasang di bawah tapaknya, tail juga telah dipasang di bahagian permukaannya, namun tidak pernah pula kedengaran mana-mana kubur ditemui atau jasad mana-mana manusia ditemui semasa semua proses dijalankan!

Semua bukti yang tersebut di atas jelas menunjukkan tidak ada sebarang kubur sama ada di dalam Ka'bah atau di kawasan sekitarnya. Apa yang tersebut di dalam kitab-kitab sejarah itu sebenarnya karut dan tidak berasas sama sekali. Kalau ada pun hanyalah daripada atsar-atsar palsu semata-mata.

Usul (65) Riwayat-riwayat yang menyatakan kelebihan dan keistimewaan bukit-bukit tertentu seperti Thursina, Qaf dan lain-lain. Demikian juga riwayat-riwayat yang

mengaitkan bukit tertentu dengan syurga. Semuanya maudhu'. Di bawah ini adalah tiga contoh bagi Usul ke-65 ini.

Contoh Pertama:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَرْبَعَةُ أَجْبَالٍ مِنْ أَجْبَالِ الْجَنَّةِ، وَأَرْبَعَةُ أَنْهَارٍ مِنْ أَنْهَارِ الْجَنَّةِ، وَأَرْبَعَةُ مَلَاجِمَ مِنْ مَلَاجِمِ الْجَنَّةِ، قِيلَ: فَمَا الْأَجْبَالُ؟ قَالَ: أَخَذَ يُجَبُّنَا وَنُجَبُّهُ، جَبَلٌ مِنْ جِبَالِ الْجَنَّةِ، [وَوَرْقَانِ جَبَلٌ مِنْ جِبَالِ الْجَنَّةِ، وَالطُّورُ جَبَلٌ مِنْ جِبَالِ الْجَنَّةِ، وَلُبْنَانُ جَبَلٌ مِنْ جِبَالِ الْجَنَّةِ، وَالْأَنْهَارُ الْأَرْبَعَةُ: النَّيْلُ وَالْفَرَاتُ وَسِيحَانُ وَجِيحَانُ، وَالْمَلَاجِمُ بَذَرٌ، وَأَخَذَ، وَالْخَنْدَقُ، وَخُنَيْنٌ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: Empat (buah) bukit daripada bukit-bukit syurga, dan empat (batang) sungai daripada sungai-sungai syurga, dan empat peperangan daripada peperangan syurga. Ditanya orang, "Bukit-bukit apakah itu?" (Jawab Baginda) "Uḥud menyintai kita dan kita (juga) menyintainya, ia adalah salah satu bukit daripada bukit-bukit syurga, [Warqān salah satu bukit daripada bukit-bukit syurga], Thūr salah satu bukit daripada bukit-bukit syurga, dan Lubnan (juga) salah satu bukit daripada bukit-bukit syurga. Empat sungai daripada syurga ialah Sungai Furat, Sungai Nil, Sungai Saiḥān dan sungai Jaiḥān. Dan empat peperangan pula ialah Badar, Uhud, Khandaq, dan Ḥunain."

Rujukan:

At-Thabaraani – al-Mu'jam al-Kabir j.17 m/s 18, Ibnu Syabbah – Tarīkh al-Madīnah j.1 m/s 80-81, al-Haitsami – Majma' az-Zawā'id j.4 m/s 14, Ibnu 'Asākir – Tarikh Dimasyq j.2 m/s 346, Ibnu 'Adi – al-Kāmil j.7 m/s 191.

Komentar:

(1) Contoh pertama itu telah dikemukakan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabīr dan al-Mu'jam al-Ausath, Ibnu Syabbah di dalam Tarīkh al-Madinah, Ibnu 'Asākir di dalam Tarikh Dimasyq, Ibnu 'Adi di dalam al-Kāmil, al-Haitsami di dalam Majma' az-Zawā'id, Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū'āt dan lain-lain.

Sanad at-Thabaraani adalah seperti di bawah ini:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمُبَارَكِ، نَحْنُ إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ، حَدَّثَنِي كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْمُرَيْي، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Sanad-sanad orang lain juga di bahagian atasnya sama dengan sanad at-Tabaraani itu. Semuanya sampai kepada Katsīr bin 'Abdillāh (bin 'Amar) bin 'Auf al-Muzani. Dia meriwayatkan daripada ayahnya daripada datuknya ('Auf).

Lihat apa kata Ibnu al-Jauzi setelah mengemukakannya, kata beliau:

"Ini adalah hadits yang tidak sahih daripada Nabi s.a.w. Kata Ahmad bin Ḥambal, "Katsīr bin 'Abdillāh adalah perawi munkarul ḥadīths, langsung tidak berguna."

Yahya bin Ma'īn berkata, "Kami tidak menulis haditsnya." An-Nasaa'i dan ad-Daraquthni juga berkata dia munkarul ḥadīths. Asy-Syafi'e bahkan berkata, "Dia adalah salah satu rukun (tiang seri) dusta."

Kata Ibnu Hibbaan, "Katsīr meriwayatkan daripada ayahnya daripada datuknya satu nuskah (kitab) yang mengandungi hadits maudhu'. Tidak halal menyebutnya di dalam kitab-kitab dan tidak halal juga meriwayatkan daripadanya kecuali dengan maksud menyatakan kehairanan."

(2) Riwayat di atas jelas menunjukkan terdapat empat bukit di dalam dunia ini berasal daripada syurga. (i) Bukit Uhūd (ii) Thūr (iii) Bukit Lubnan (iv) Bukit Warqān. Kalau begitu, maka bukit-bukit tersebut jelas melebihi bukit-bukit yang lain.

Bukit Uhūd ialah bukit yang ma'lum di mana telah berlakunya peperangan di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang kafir Mekah.

Bukit kedua ialah Thūr. Tidak jelas di sini, Thūr manakah yang dimaksudkan, adakah ia Thūrsina atau Thūr lain. Thūr itu sendiri pun menurut bahasa 'Arab bererti bukit. Bagaimanapun di dalam riwayat yang lain dengan jelas tersebut Thūrsina.

Warqān atau Wariqān tersebut sebagai bukit ketiga di dalam riwayat ini. Di dalam sesetengah riwayat hanya tersebut tiga bukit sahaja, iaitu Uhūd, Thūr dan Lubnan. Tidak tersebut pun Warqān di dalamnya. Di dalam sesetengah riwayat memang tersebut Warqān. Di dalam riwayat-riwayat yang lain pula di tempatnya tersebut Bukit Zaita atau bukit Najabah.

Tanpa salah satu daripada tiga nama ini empat bukit yang telah disebutkan sebelum itu tidak akan cukup empat.

Bukit Uhūd terletak kira-kira satu batu di utara Madinah. Bukit Thūrsina terletak di semenanjung Sinai. Bukit Warqān atau Wariqān terletak di Rauḥā' sejauh 4 barid (kira-kira 48 batu) dari Madinah. Bukit Lubnan, tidak jelas yang mana satu daripadanya dimaksudkan, adakah negara Lubnan yang ada hari ini semua sekali dimaksudkan atau mana-mana bukitnya atau bukit tertentu di negara itu.

(3) Sesetengah 'ulama' keberatan untuk mengatakan hadits Katsīr itu maudhu', mereka bagaimanapun tetap mengatakan ia dha'if atau dha'if sangat. Sebabnya ialah Tirmidzi telah meriwayatkan satu hadits yang diriwayatkan oleh Katsīr di dalam Sunannya dan beliau menghukumnya sebagai sahih.

Ibnu Khuzaimah meriwayatkan empat hadits Katsīr di dalam Sahihnya. Ad-Daarimi, ad-Daraquthni dan al-Haakim juga meriwayatkan beberapa haditsnya di dalam kitab mereka masing-masing. Semua hadits Katsīr itu juga berpunca daripada nuskah (kitab) yang diriwayatkannya daripada ayahnya daripada datuknya.

Hadits *تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما كتاب الله وسنة نبيه* (telah ku tinggalkan padamu dua perkara. Kamu sama sekali tidak akan sesat selagi berpegang dengan keduanya, Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnah NabiNya) yang diriwayatkan oleh Malik di dalam Muwattha'nya secara balāgh itu menurut isnad Ibnu 'Abdil Barr di dalam at-Tamhidnya adalah melalui saluran riwayat Katsīr daripada ayahnya daripada datuknya juga. (Lihat at-Tamhīd j.24 m/s 331).

Hafizh Ibnu Hajar di dalam Athrāf-nya berkata, "Zahirnya ialah Malik mengambilnya daripada Katsīr". Ini kerana lafaz riwayat Malik itu betul-betul sama dengan lafaz yang diriwayatkan oleh Katsīr daripada ayahnya daripada datuknya.

Kebanyakan 'ulama' bagaimanapun tetap tidak mahu menerima hadits Katsir, mereka paling ringan menghukum haditsnya sebagai dha'if sangat. Kerana itulah adz-Dzahabi, al-Mundziri dan lain-lain berkata Tirmidzi telah dikritik teruk kerana menerima hadits Katsīr sebagai sahih. Adanya hadits perawi yang dha'if atau pendusta di dalam sesebuah kitab belum dapat menjamin kesahihannya. Ia tetap bergantung kepada kedudukan perawi menurut kebanyakan 'ulama' Rijāl ḥadīths.

Riwayat balāgh Malik itu tidak jelas diriwayatkan oleh beliau melalui sanad Katsīr daripada ayahnya daripada datuknya. Apa yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abdil Barr itu

adalah berdasarkan sanadnya sendiri. Terdapat beberapa orang lagi sahabat meriwayatkannya selain `Auf, seperti Abu Hurairah dan Ibnu `Abbaas. Riwayat mereka berdua dikemukakan oleh al-Haakim di dalam al-Mustadraknya. Riwayat Ibnu `Abbaas dihukum sahih oleh al-Haakim dan dipersetujui oleh adz-Dzahabi.

(4) Apabila sesuatu hadits dipertikaikan oleh para `ulama' hadits atau dihukum oleh mereka sebagai maudhu', tidaklah itu bererti setiap bahagian daripadanya maudhu' atau tidak sahih. Di dalam hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama di atas misalnya, dua bahagian daripadanya sahih, iaitu:

(i) Uḥud menyintai kita dan kita (juga) menyintainya (أُحُدٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ). Bahagian ini sahaja yang sahih dan ia telah diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan lain-lain. Ia sememangnya sahih.

(ii) Empat sungai yang tersebut di dalamnya sebagai sungai-sungai daripada syurga itu juga boleh diterima. Kerana ia diriwayatkan oleh Ahmad, al-Ḥumaidi, Abu Ya'la dan lain-lain dengan sanad yang hasan. Lafaznya ialah:

فُجِّرَتْ أَرْبَعَةُ أَنْهَارٍ مِنَ الْجَنَّةِ: الْفُرَاتُ، وَالنَّيْلُ، وَسَيْحَانُ، وَجَيْحَانُ

Bermaksud: Dipancarkan empat sungai daripada syurga: Furāt, Nil, Saiḥān dan Jaiḥān.

Muslim pula dengan sanad yang sahih meriwayatkan dengan lafaz:

سَيْحَانُ وَجَيْحَانُ وَالْفُرَاتُ وَالنَّيْلُ كُلٌّ مِنْ أَنْهَارِ الْجَنَّةِ

Bermaksud: Saiḥān, Jaiḥān, Furāt dan Nil, semuanya daripada sungai-sungai syurga.

Yang tidak sahih dan dihukum sebagai maudhu' ialah bahagian-bahagian yang lain daripadanya. Semuanya tidak terdapat di dalam riwayat-riwayat yang sahih atau hasan.

(5) Para `ulama' berbeda pendapat dan tanggapan tentang maksud sabda Rasulullah s.a.w. أُحُدٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ. Di bawah ini adalah perinciannya:

(i) Terdapat majaz ḥadzf (buang) pada sabda Nabi s.a.w. ini. Perkataan yang dibuang ialah أَهْلُ iaitu mudhāf bagi perkataan Uḥud. Taqdirnya: أَهْلُ أُحُدٍ (penghuni Uḥud) dan yang dimaksudkan dengannya ialah golongan Anshār, kerana mereka adalah jiran bukit Uḥud. Majaz ḥadzf (buang) seperti ini banyak digunakan dalam bahasa `Arab. Di dalam

al-Qur'an juga ia digunakan, seperti pada firman Allah: *وَاسْأَلِ الْقَرْيَةَ*. Taqdirnya ialah *وَاسْأَلِ أَهْلَ الْقَرْيَةِ* (Dan tanyalah penduduk negeri itu). Mungkin juga penghuni bukit Uhud yang menyintai Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. juga menyintainya itu ialah sahabat-sahabatnya yang telah gugur sebagai syahid dalam peperangan Uhud dan dikebumikan di situ.

(ii) Kecintaan yang tersebut di dalam hadits ini memang benar-benar berlaku dari kedua belah pihak, bukit Uhud dan Rasulullah s.a.w. serta para sahabatnya. Tiada halangan pada akal untuk bukit Uhud menyintai Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, kerana bukannya bukit dan lain-lain kejadian Allah itu boleh bertasbih dengan cara masing-masing berdasarkan kenyataan Allah sendiri di dalam al-Qur'an? Bukankah Rasulullah s.a.w. juga pernah menunjukan kata-katanya kepada bukit Uhud seperti orang yang berakal, kata Baginda kepadanya:

... اسْكُنْ أُحُدَ - أَظْنُهُ ضَرَّتَهُ بِرَجُلِهِ - فَلَيْسَ عَلَيْكَ إِلَّا نَبِيٌّ وَصِدِّيقٌ وَشَهِيدَانِ.

Bermaksud: Diamlah engkau wahai Uhud – aku rasa (kata perawi) sambil Baginda menghentak kakinya – Tiada orang lain di atasmu selain seorang nabi, seorang Shiddiq dan dua orang syahid. (Hadits riwayat al-Bukhari).

(6) Para 'ulama' juga berbeda pendapat dan tanggapan tentang maksud sabda Rasulullah s.a.w. berhubung dengan empat sungai dunia yang dikatakan daripada syurga itu. Perinciannya adalah seperti di bawah ini:

(i) Ia perlu dita'wil dengan erti iman akan mendominasi kawasan-kawasan atau negeri-negeri di mana terdapatnya empat sungai tersebut.

(ii) Orang-orang yang tubuhnya bergantung hidup dengan air empat sungai itu akhirnya akan ke syurga kerana akan beriman dan memeluk agama Islam. Ta'wilan (i) dan (ii) ini telah disebutkan oleh al-Qādhī 'Iyādh dan dinukilkan oleh an-nawawī di dalam Syarh Muslim. (Lihat j.17 m/s 177).

(iii) Ia mengisyaratkan kepada empat sungai tersebut dan sungai-sungai lain di dunia ini akan ada juga di dalam syurga nanti, walaupun sifat-sifatnya akan berubah dan berbeza sama sekali daripada di dunia dahulu, sama seperti ni'mat-na'mat Allah yang

lain juga. Pendapat ke (iii) ini telah dikemukakan oleh Ustadz Dr. Musa Syāhīn Lāsyīn pengarang Fathul Mun'im Syarh Sahih Muslim (j.10 m/s 450).

(iv) Mengisyaratkan bahawa sebagaimana di dunia ini sungai sangat penting dan merupakan sumber untuk kelangsungan hidup manusia dan kesuburan bumi, di dalam syurga juga ia sangat penting untuk penghuni-penghuninya dan merupakan punca kema'murannya. Empat sungai yang tersebut itu tidak lebih daripada contoh yang diberikan untuk orang-orang yang berada tidak jauh dari tanah semenanjung 'Arab di mana wahyu diturunkan.

Perkataan من yang tersebut di dalam hadits Sahih Muslim dan lain-lain itu dipakai oleh golongan 'ulama' yang berpendapat begini sebagai من تشبيهية dengan erti مثل atau ك yang memberi erti seperti, macam, bagaikan dan lain-lain. Sama seperti perkataan من yang tersebut di dalam hadits: إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ, ia ditafsirkan oleh hadits lain dengan lafaz: إِنَّ الْمَرْأَةَ كَالضِّلْعِ. Jadi sabda Rasulullah s.a.w. yang bergaris di bawah ini:

سَيِّحَانُ وَجَيْحَانُ وَالْفُرَاتُ وَالنَّيْلُ كُلٌّ مِنْ أَنْهَارِ الْجَنَّةِ

Perlulah ditaqdirkan:

كُلُّ (واحد من المذكور) مِنْ (أَي مِثْلُ أَوْ ك) أَنْهَارِ الْجَنَّةِ

Bermaksud: Semua sungai tersebut itu seperti / macam sungai-sungai di dalam syurga (juga).

(v) Empat sungai tersebut sebagai contoh, dan sungai-sungai lain di dunia ini asalnya memang dari syurga, tetapi kemudiannya mempunyai punca dan sumber masing-masing. Sama seperti manusia itu asalnya dari tanah jika dilihat kepada kejadian Adam, tetapi kejadian zuriatnya pula dari air mani.

Perkataan من yang tersebut di dalam hadits Sahih Muslim dan lain-lain itu dipakai oleh mereka ini sebagai من تبعيضية yang memberi erti (sebahagian daripada syurga) atau من ابتدائية yang memberi erti (bermula dan berasal daripada) atau (berpunca daripada).

(vi) Empat sungai tersebut itu sahaja berpunca daripada syurga (asalnya). Zahir beberapa hadits Rasulullah s.a.w. merupakan dalilnya. Antaranya ialah hadits berikut:

فُجِّرَتْ أَرْبَعَةُ أَنْهَارٍ مِنَ الْجَنَّةِ: الْفُرَاتُ، وَالنَّيْلُ، وَسَيْحَانُ، وَجَيْحَانُ

Bermaksud: Dipancarkan empat sungai daripada syurga: Furāt, Nil, Saihān dan Jaihān. (Hadits riwayat Ahmad, al-Ĥumaidi, Abu Ya'la dan lain-lain).

Apabila berada di dunia sifat-sifat asalnya jadi berubah. Keadaannya sama seperti sungai-sungai lain juga yang terdapat di dunia ini.

(7) Selain daripada bahagian yang sahih di dalam contoh pertama itu, terdapat beberapa da'waan yang jika diterima niscaya ia akan dianggap sebagai keistimewaan, antaranya:

(i) Empat bukit di dunia ini dikatakan berasal dari syurga. Bukit Uhud adalah salah satu daripadanya. Sedangkan kenyataan ini tidak terdapat di dalam riwayat-riwayat yang sahih mahupun ḥasan.

(ii) Empat peperangan yang berlaku di zaman Nabi s.a.w. juga dikatakan sebagai berasal dari syurga. Apa ertinya perang Badar, Uhud, Kandaq dan Ḥunain itu berasal dari syurga? Sukar sekali untuk difahami. Tidak ada ta'wilan yang dapat menghilangkan kekusutannya.

(8) Terdapat beberapa lagi saluran riwayat yang menyatakan kelebihan bukit-bukit tertentu, khususnya bukit-bukit yang tersebut di dalam contoh pertama di atas. Di dalam kitab-kitab hadits maudhu', nama beberapa orang sahabat yang lain juga turut dikaitkan. Mereka ialah Abu Hurairah, Sahal bin Sa'ad dan Anas bin Malik. Sebagai contoh tambahan, mari kita lihat hadits yang dikaitkan dengan sahabat Rasulullah s.a.w. Sahal bin Sa'ad pula. Berikut adalah riwayatnya sebagaimana diriwayatkan oleh Ibnu 'Adi dengan sanadnya di dalam kitabnya al-Kāmil Fi dhu'afā' ar-Rijāl:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ، حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ أَبِي إِسْرَائِيلَ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ أَخْبَرَنِي أَبُو حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ رُكْنٌ مِنْ أَرْكَانِ الْجَنَّةِ.

Bermaksud: Sahal bin Sa'ad meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “(Bukit) Uhud adalah satu rukun (tiang seri) daripada rukun-rukun (tiang seri-tiang seri) syurga.” (Al-Kāmil Fi Dhu'afā' Ar-Rijāl j.5 m/s 297).

Setelah mengemukakannya Ibnu 'Adi berkata, “Aku tidak mengetahui ada orang lain meriwayatkannya daripada Abu Haazim selain 'Abdullah bin Ja'far.”

Dgn sanad yang sama di bahagian atasnya hadits itu diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Kabirnya dan Abu Ya`la di dalam Musnadnya.

Ibnu al-Jauzi juga mengemukakan riwayat Sahal ini melalui sanad Ibnu `Adi yang tersebut itu. Setelah mengemukakannya beliau menulis, "Kata an-Nasaa'i, dia ('Abdullah bin Ja`far) matrūk."

Al-Jauzajāni, adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan `Abdullah bin Ja`far sebagai perawi dha`if.

(9) Benarlah kata Dr. Shāleḥ bin Ḥāmid bin Sa`id ar-Rifā'i di dalam kitabnya bahawa hadits-hadits tentang Uḥud adalah salah satu bukit syurga semuanya dha`if. (Lihat Mukhtashar Kitab al-Aḥādīṡ al-Wāridah Fi Fadḥā'il al-Madīnah m/s 40).